

LAPORAN PEMERHATIAN

Pihak Tindak Malaysia, salah satu badan bukan kerajaan yang memberi tumpuan kepada pembaharuan sistem pilihan raya, baru - baru ini mengambil bahagian dalam proses pemerhatian Pilihan Raya Umum Ke-15 (PRU15). Ini merupakan kali kesepuluh dalam sejarah Tindak Malaysia, sejak penubuhannya pada tahun 2008, pihak kami memantau dan memerhati proses pilihan raya dari penamaan calon sehingga proses pengiraan undi. Berikut adalah maklumat - maklumat ringkas mengenai proses pemerhatian dari pihak Tindak Malaysia

PASUKAN

Pihak Tindak Malaysia hantar empat orang Pemerhati yang mempunyai pengalaman dalam bidang Ejen Tempat Mengundi dan Ejen Mengira Undi (PACA). Daripada empat orang Pemerhati, tiga mempunyai pengalaman sebagai Pemerhati untuk pilihan raya - pilihan raya yang lalu. Wakil Pemerhati kami ialah

1. Yvette Mah (Damansara)
2. Derek Kok (Segambut)
3. Shamini Bhaskaran (Segambut)
4. Tan Yiok Hoe (Pagoh)

Pemerhati - pemerhati telah ditempatkan di kawasan - kawasan parlimen mengikut syarat Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) (iaitu Pemerhati memerhati kawasan pengundian mereka sahaja)

Kita bekerjasama dengan pihak Bersih dan Engage untuk mendapat liputan terluas untuk proses pemerhatian

CIRI PEMERHATIAN 1: SEBELUM HARI PENGUNDIAN

Pemerhatian Positif

1. Perkongsian maklumat dan pengumuman SPR bersama pemerhati menggunakan Whatsapp Broadcast sangat bagus berbanding sistem Whatsapp Group
2. Taklimat SPR di Putrajaya International Convention Centre memberi peluang untuk Pemerhati tanya soalan terus kepada pihak organisasi program ini
3. Taklimat tanpa kertas dan penggunaan teknologi digital adalah pembaharuan yang baik. SPR juga menggunakan Google Drive untuk berkongsi semua material latihan dan QR code untuk pendaftaran sesi
4. Sesi taklimat telah memberi peluang untuk Pemerhati untuk menanya soalan, berkongsi maklumat dan berhubung dengan pihak Pemerhati lain. Pemerhati mendapat peluang

untuk memahami masalah dan isu - isu semasa Pilihan Raya Umum lalu semasa sesi Soal dan Jawab

5. Makanan yang disediakan untuk sarapan pagi dan tengah hari lebih dari memuaskan. Pemerhati dari NGO lain rasa puas hati dgn lokasi taklimat dan jamuan yang disediakan
6. Sesi Penamaan calon berlangsung secara teratur. Pihak Pegawai Pengurus memberi sokongan kepada Pemerhati secara mesra, membenarkan Pemerhati untuk menanya dan mengamalkan ketelusan

Pemerhatian Negatif

1. Sebelum penggunaan Whatsapp Broadcast, Whatsapp Group digunakan untuk Pemerhati SPR bagi penggunaan perkongsian maklumat. Ini menyebabkan penyebaran maklumat agak tidak teratur
2. Sistem Pendaftaran yang menggunakan kod QR untuk mendapat akses kepada info latihan mungkin mempunyai banyak iklan
3. Kekurangan masa untuk sesi Soal & Jawab (sewaktu Taklimat Pemerhati)

CIRI PEMERHATIAN 2: PENAMAAN CALON & PENGELUARAN UNDI POS

Pemerhatian Positif

1. Petugas patuh dengan undang-undang dan peraturan pilihan raya semasa menjalankan proses penamaan calon dan pengeluaran undi
2. Kawalan trafik dan penjarakan sosial yang bagus walaupun tiada lagi ‘SOP’ Covid untuk pilihan raya ini
3. Pemerhati diberikan tempat duduk yang khusus dan diberikan peluang secukupnya untuk memerhati proses
4. Proses penamaan adalah lancar dan pemilihan sekolah SK Bukit Damansara (Segambut) sesuai untuk sesi tersebut
5. Pihak Pegawai Pengurus (Segambut) mesra dengan Pemerhati. Mereka membenarkan pihak Pemerhati untuk mengambil gambar dan hadir sesi mesyuarat bersama Pasukan Penguatkuasa Kempen Pilihan Raya (PP KPR) selepas program penamaan calon
6. Untuk Damansara, tiga parti telah diasingkan dan diberi tempat berasingan untuk berkumpul di luar Dewan Penamaan Calon. Ini merupakan suatu cara baik untuk mengelakkan pergaduhan
7. Meja-meja dalam Dewan Komuniti (Damansara) disusun secara baik dan sesuai untuk pengurusan penamaan calon
8. Suasana di dalam Dewan (Damansara) adalah bagus. Semua calon dan penyokong mereka sewaktu proses penamaan calon (Damansara) menunjukkan tingkah laku yang baik

Pemerhatian Negatif

1. Tempat letak kereta (Damansara) adalah sangat basah dan berlumpur selepas hujan
2. Untuk Damansara, Pemerhati Tindak Malaysia ditempatkan kira-kira 2 meter jauh dari meja-meja Petugas Undi Pos. Ini telah menghalang keupayaan Pemerhati Tindak Malaysia untuk melihat Borang 2, sampul - sampul surat, no siri. Pemerhati Tindak Malaysia tidak boleh pergi ke tempat lebih dekat untuk melihat kandungan di atas meja - meja Petugas SPR
3. Apabila Pemerhati Tindak Malaysia (Damansara) menanya Penolong Pegawai Pengurus (PPP) mengenai alamat dalam Sampul Surat B, PPP menunjukkan sampul surat kepada Pemerhati tersebut. Selepas itu, tanpa sebab munasabah, PPP telah membuat aduan kepada Sekretariat SPR bahawa Pemerhati Tindak Malaysia mengganggu kerja PPP
4. PPP memberitahu Pemerhati Tindak Malaysia bahawa angka-angka mengenai kertas undi, pengundi boleh diberitahu kepada ejen mengundi tetapi bukan untuk Pemerhati

CIRI PEMERHATIAN 3: UNDI AWAL

Pemerhatian Positif

1. Kawalan orang ramai yang bagus telah dibuat semasa pengundi awal untuk memasuki saluran undi (Segambut)
2. Tiada poster/logo politik dalam zon yang tidak dibenarkan (Segambut)
3. Pemerhati diberi peluang untuk menjalankan tugas tanpa halangan
4. Untuk Pagoh, pihak SPR telah mengambil tindakan baik untuk mengarahkan kereta yang mempunyai logo parti dijumpai di kawasan balai polis Pagoh untuk bergerak ke kawasan lain

Pemerhatian Negatif

1. Pemerhati sepatutnya diberi kebenaran untuk masuk ke dalam saluran mengundi, bukan di luar bilik sahaja
2. Bilik Undi Awal (Segambut) terlalu kecil dan tidak sesuai untuk Pemerhati untuk memerhatikan proses dalam saluran tersebut
3. Gambar Perdana Menteri masih tergantung di bilik Undi Tingkat 1 Balai Polis (Segambut)
4. Untuk Segambut, Ketua Tempat Mengundi (KTM) pada permulaan tidak membentarkan kedua - dua Ejen Tempat Mengundi Pakatan Harapan (PH) dan Barisan Nasional (BN) untuk melihat cap tindik pada pagi (sewaktu semakan peti undi)
5. Untuk Damansara, hanya Kerani Pengundian (KP) 1 meneliti Kad Pengenalan (IC) pengundi sahaja. Apabila KP 1 teriak Nama, dan IC, beliau masih pegang IC - Pemerhati tidak boleh pasti beliau baca dari IC atau Buku Senarai. Semasa taklimat, Pemerhati diberitahu KP 2 yang pegang IC dan meneliti bila KP1 teriak dari buku senarai

6. Untuk Damansara, Pemerhati tidak nampak seorang pengundi membuka pelitup muka untuk dikenal pasti oleh KP 1 dan KP 1 tidak minta juga.
7. Untuk Damansara, jari pengundi telah dicelup KP 2 tanpa mengikut tatacara untuk pencelupan. KP 2 mencelup jari penunjuk yang diberi oleh pengundi tanpa mengikut turutan
8. Penyelia Pusat Mengundi untuk Damansara pada awalnya menghalang Pemerhati Tindak Malaysia untuk masuk saluran mengundi. Setengah jam selepas itu, seorang ahli Sekretariat memberitahu bahawa Pemerhati Tindak Malaysia boleh masuk untuk memerhati Saluran-saluran

CIRI PEMERHATIAN 4: SEMAKAN ISI PETI UNDI BIASA & PENGUNDIAN BIASA

Pemerhatian Positif

1. Petugas SPR menjalankan tugas dengan baik dan mengikut peraturan pilihan raya dalam setiap proses
2. Terdapat sukarelawan dan kerusi roda yang mencukupi di tempat mengundi
3. Untuk Pagoh, bilangan petugas SPR, ahli polis dan ahli Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) mencukupi untuk hari pengundian. Terdapat bantuan mencukupi untuk pengundi orang emas dan OKU
4. Tiada unsur kempen dijumpai di kawasan larangan (Pagoh)

Pemerhatian Negatif

1. Sebahagian petugas SPR menyatakan bahawa mereka tidak dapat undi pos oleh itu tidak dapat mengundi (Segambut)
2. Peletakan saluran mengundi tidak sesuai untuk orang tua/Orang Kurang Upaya (OKU). Ada yang terpaksa menjadi pengundi tumpang di saluran lain kerana saluran mereka di tingkat tinggi atau sukar diakses (Segambut)
3. Terdapat sekolah/pusat mengundi yang mempunyai risiko banjir yang tinggi. Sepatutnya sekolah lain dipilih (Segambut)
4. Untuk Pagoh, sesetengah pusat mengundi tidak mempunyai bumbung yang mencukupi
5. Untuk Pagoh, tahap pengetahuan sesetengah KTM tidak mencukupi
6. Tiada penyeregaman mengenai tatacara penggunaan telefon bimbit dalam saluran pengundian

CIRI PEMERHATIAN 5: PENGIRAAN UNDI

Pemerhatian Positif

1. KTM dan petugas menjalankan tugas mengikut peraturan pilihan raya dan memberi ruang kepada ejen pilihanraya/ejen mengira undi untuk menyuarakan pendapat/bantahan
2. Kesemua kerani mengira undi tahu tugas mereka

Pemerhatian Negatif

1. Ada sampul surat untuk Pengundi POS luar Negara telah dibuka oleh Jabatan Kastam (mengikut Pegawai Pengurus dan Ejen Calon)
2. KTM enggan menandatangani Borang 14 walaupun peraturan serta panduan amat jelas (Segambut)
3. KTM tidak tahu tanggungjawabnya mengenai Borang 14. Tiap-tiap EMU mesti diberi satu Borang 14 yang ditandatangani oleh KTM. Pemerhati Tindak Malaysia (Damansara) telah beritahu KTM dan beliau tidak percaya. KTM tersebut tanya KTM saluran bersebelahan dan baru memahami bahawa KTM mesti memberi Borang 14 kepada EMU.

CIRI PEMERHATIAN 6: PERKARA - PERKARA LAIN

Pemerhatian Positif

1. Pemerhati diberi kerjasama dan ruang untuk menjalankan tugas

Pemerhatian Negatif

1. Petugas SPR perlu diberikan lebih banyak latihan dan panduan kerana ramai masih tidak memahami peraturan pilihan raya.
2. Pemerhati Tindak Malaysia tidak puas hati dengan konsep untuk menghadkan pemerhati untuk memerhati kawasan pilihan raya dia mengundi sahaja
3. Untuk Damansara, terdapat beberapa sekolah (yang dijadikan sebagai pusat mengundi) terletak di atas bukit kecil. Pemerhati Tindak Malaysia nampak pengundi orang emas dan OKU menghadapi cabaran untuk datang mengundi. Tambahan pula, sekolah-sekolah ini mempunyai banyak tangga yang menyusahkan pengundi orang emas dan OKU
4. Penyelia Pusat Mengundi mendapat kit taklimat sehari sebelum Pilihan Raya (Segambut)
5. Terdapat pengundi undi 18 kurang jelas mengenai cara pangkah kertas undi dan KTM perlu memberi pencerahan

SEKIAN, TERIMA KASIH

MAKLUMAT OLEH

YVETTE MAH

PEMERHATI PAGOH

TINDAK MALAYSIA

DEREK KOK

PEMERHATI SEGAMBUT

TINDAK MALAYSIA

SHAMINI BHASKARAN

PEMERHATI SEGAMBUT

TINDAK MALAYSIA

TAN YIOK HOE

PEMERHATI PAGOH

TINDAK MALAYSIA

DISUNTING OLEH:

DANESH PRAKASH CHACKO

PENGARAH

TINDAK MALAYSIA

21.12.202